

## **STANDARD SAWI (*Brassica sp.*)**

(Pegawai Kajian: Mohd Zafri Mohd Yunus, Muhammad Rosli Othman,  
Mohd Sharani Mat Saat & Mohamad Bazli Abdullah)

### **1. SKOP**

Standard ini adalah untuk sawi (*Brassica sp.*) daripada famili Cruciferae untuk pasaran segar berdasarkan morfologi (Rujuk **Lampiran A**):

- Sawi berbatang dan berpelepas
- Sawi berpelepas

### **2. RUJUKAN NORMATIF**

Rujukan normatif berikut adalah penting bagi penggunaan standard ini. Bagi rujukan bertarikh, hanya edisi yang dinyatakan akan digunakan. Bagi rujukan tidak bertarikh, edisi terkini bagi rujukan normatif (termasuk sebarang perubahan) digunakan.

*MS 1187, Method of sampling for fresh vegetables.*

*Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008.*

### **3. DEFINISI**

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan bermaksud:

- 3.1. **Bersih** – Bebas daripada kotoran dan benda asing.
- 3.2. **Kecacatan** – Mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan persembahan seperti berikut:
  - 3.2.1. **Cacat bentuk** – Bentuk tidak normal dan sempurna.
  - 3.2.2. **Cacat rupa** – Tanda-tanda yang menjelaskan rupa keseluruhan seperti nyahwarna, karat dan kesan-kesan lain yang tidak boleh dibersihkan.
- 3.3. **Keseragaman Saiz** – Panjang sawi adalah sama merangkumi bahagian pangkal hingga daun.
- 3.4. **Pembentukan Sempurna** – Peringkat fisiologi dan morfologi yang sesuai untuk pemasaran hasil.

3.5. **Perapian** – Membuang bahagian yang tidak boleh dipasarkan.

3.5.1. Pelepas berdaun yang berubah warna, kering, reput atau rosak.

3.5.2. Memotong:

3.5.2.1. Sawi berbatang dan berpelepas – Tidak melebihi 2.5 cm daripada daun terakhir pada bahagian pangkal.

3.5.2.2. Sawi berpelepas – Sama paras dengan pelepas daun terakhir.

3.6. **Rosak** – Sebarang kecederaan disebabkan oleh perosak dan/atau penyakit, kesan mekanikal dan/atau fisiologi yang menjelaskan kualiti dan jangkahayat pasaran. (Rujuk **Lampiran B**)

3.6.1. Kecederaan disebabkan oleh perosak dan/atau penyakit seperti berlubang akibat kesan gigitan serangga, berbau, reput dan berkulat.

3.6.2. Kecederaan mekanikal semasa pengendalian seperti terpotong atau patah.

3.6.3. Kecederaan fisiologi disebabkan oleh keadaan bukan patologi seperti kekurangan nutrien, perubahan cuaca dan suhu yang ketara. Contoh kerosakan seperti nyahwarna.

3.7. **Segar** – Sawi seperti hasil yang baru dituai (dari segi warna dan tekstur) dan tidak kelihatan layu.

#### **4. KEPERLUAN MINIMUM**

- 4.1. Hendaklah segar, bersih dan bebas daripada kecederaan oleh perosak dan/atau penyakit.
- 4.2. Hendaklah agak bebas daripada kecederaan mekanikal, fisiologi dan kecacatan.
- 4.3. Hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 pelepas berdaun yang telah mencapai tahap pembentukan sempurna mengikut ciri-ciri varieti dan kawasan di mana ianya ditanam.
- 4.4. Hendaklah mempunyai keseragaman saiz dan varieti yang sama dalam satu bungkusan.
- 4.5. Hendaklah dibuat perapian.

## 5. PENGKELASAN GRED

5.1. Sawi dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada spesifikasi seperti Jadual 1:

**Jadual 1: Pengkelasan Gred**

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran dalam setiap lot
Premium	Sawi hendaklah: - daripada varieti yang sama; - bebas daripada kerosakan dan/atau kecacatan; dan - dikekalkan kualiti dan persembahan dalam pembungkusan.	Kerosakan selain perosak dan/atau penyakit hendaklah tidak melebihi 3%.  Maksimum 5% mengikut bilangan atau berat yang tidak mencapai keperluan Gred Premium tetapi memenuhi keperluan Gred 1.
1	Sawi hendaklah: - daripada varieti yang sama; - agak bebas daripada kerosakan dan/atau kecacatan. Kesan ini hendaklah tidak melebihi 5% daripada keseluruhan permukaan kulit; dan - dikekalkan kualiti dan persembahan dalam pembungkusan.	Kerosakan selain perosak dan/atau penyakit hendaklah tidak melebihi 5%.  Maksimum 10% mengikut bilangan atau berat yang tidak mencapai keperluan Gred 1 tetapi memenuhi Gred 2.
2	Sawi hendaklah: - daripada varieti yang sama; - hampir bebas daripada kerosakan dan/atau kecacatan. Kesan ini hendaklah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan permukaan kulit; - dikekalkan kualiti dan persembahan dalam pembungkusan; dan - menepati keperluan minimum sebagaimana ditetapkan dalam Klausus 4, tetapi tidak termasuk bagi Gred Premium dan 1.	Kerosakan selain perosak dan/atau penyakit hendaklah tidak melebihi 10%.  Maksimum 15% mengikut bilangan atau berat yang tidak mencapai keperluan Gred atau keperluan minimum.

## 6. PENGKELASAN SAIZ

Tiada keperluan saiz bagi sawi.

## 7. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 7.1. Pembungkusan

- 7.1.1. Hendaklah mempunyai ukuran yang boleh menampung dengan secukupnya kuantiti sawi yang dibungkus.
- 7.1.2. Hendaklah mengandungi sawi daripada varieti dan gred yang sama.
- 7.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 20 kg.
- 7.1.4 Hendaklah memenuhi ciri-ciri kualiti, kebersihan dan ketahanan supaya dapat memberi perlindungan yang maksimum daripada apa-apa kerosakan kepada keluaran pertanian semasa pengendalian dan pengangkutannya.
- 7.1.5 Hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak menyebabkan kerosakan dan menjasaskan kualiti

### 7.2. Pelabelan

Pembungkusan hendaklah dilabel mengandungi maklumat berikut:

- 7.2.1. Nama keluaran pertanian.
- 7.2.2. Varieti.
- 7.2.3. Gred.
- 7.2.4. Tempat asal.
- 7.2.5. Nama dan alamat perniagaan, pengimport, pengeksport, ejen, pengeluar atau pengedar.
- 7.2.6. Berat bungkusan.
- 7.2.7. Perkataan "Produce of Malaysia" (bagi keluaran yang dieksport).


**8. PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of sampling for fresh vegetables”.

**9. KEPERLUAN PERATURAN**

Hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) 2008 di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141].

**LAMPIRAN A**  
**DIAGRAM MORFOLOGI SAWI**



Contoh: berbatang dan berpelepah

Contoh: berpelepah

### KUMPULAN SAWI

KUMPULAN SAWI	MORFOLOGI SAWI	NAMA VERNAKULAR/ SENARAI VARIETI
<b>Sawi Hijau / Sawi Bunga</b>	Berbatang & berpelepas	Caixin Choy Sam <b>Sawi Batang Putih (Green Eagle)</b> Sawi Bunga Sawi Focus Sawi Hong Kong Sawi Minyak Hong Kong
	Berpelepas	Sawi Cameron Sawi Keriting Sawi Cina Hakka
<b>Sawi Pahit</b>	Berbatang & berpelepas	Sawi Pahit Johor Sawi Cina Pheonix
	Berpelepas	Gai Choy Tua Chai <b>Sawi Pahit Cameron</b> Sawi Cina Head
<b>Sawi Putih Pak Choy</b>	Berpelepas	<b>Sawi Putih</b>
<b>Sawi Jepun</b>	Berpelepas	Sawi Jepun <b>Baby Siew Pak Choy</b> <b>Baby Shanghai Green</b> <b>Baby Bok Choy</b> Sawi Minyak Sawi Susu

**CONTOH VARIETI-VARIETI SAWI**

**SAWI HIJAU/SAWI BUNGA**





**Sawi Keriting**

**SAWI PAHIT**



**Sawi Pahit Cameron**



**Sawi Pahit Johor**

**SAWI PUTIH PAK CHOY**



**Sawi Putih**

**SAWI JEPUN**




**LAMPIRAN B**


**ROSAK**

**B1. ROSAK**

**Kecederaan mekanikal**



**Patah**



**Pecah**

### Kecederaan fisiologi



Nyahwarna

**Kecederaan disebabkan oleh perosak dan penyakit**



**Busuk dan Berair**



**Reput**



**Kesan Gigitan Serangga**

## BIBLIOGRAFI

*Halimathul, S. A. S., 2008. Sayur-sayuran Semenanjung Malaysia Edisi Kedua. Kuala Lumpur.*

*Jabatan Pertanian, 2014. Varieti Sayuran Daun Terpilih Malaysia. Jabatan Pertanian Malaysia.*

*Malaysia Standard, 2008. MS 1323:2008, Sawi Segar – Spesifikasi (Ulangkaji Pertama). Jabatan Standard Malaysia.*

*Rukayah, A., 2002. Aman-Ulam dan Sayuran Tempatan Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*

*UNECE STANDARD FFV 58 – Leafy Vegetables.*